

Maqasid Syariah Bersama Kepimpinan Mahasiswa UUM

Unit Komunikasi Korporat

Sun 11/12/2017 3:37 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



12 NOVEMBER 2017 / 23 SAFAR 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

MAQASID SYARIAH BERSAMA KEPIMPINAN MAHASISWA UUM



UUM ONLINE: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Baharom (B) memberi penerangan mengenai Indeks Syariah Malaysia sebagai dasar kerajaan dalam memastikan tadbir urus negara sentiasa berada di landasan Indeks Syariah Malaysia (ISM).

Ujarnya, ISM merujuk kepada satu kaedah untuk mengukur secara saintifik sejauh mana usaha kerajaan dalam menjalankan tadbir urus negara berlandaskan prinsip maqasid syariah.

Jelasnya, Indeks Syariah Malaysia telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 10 Februari 2015 untuk mengukur keseriusan kerajaan dalam melaksanakan dasar serta program berlandaskan 5 prinsip maqasid syariah.

"ISM bertujuan menjadikan Malaysia sebagai peneraju model tadbir urus Islam pertama di dunia berteraskan prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

"Maqasid syariah bermaksud matlamat hukum syariah di mana peranan kita sebagai khalifah untuk mentadbir muka bumi yang mempunyai 5 tugas besar yang perlu dilaksanakan," katanya pada Temu Mata Maqasid Syariah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri Bersama Kepimpinan Mahasiswa UUM, Dewan Sri Angsana, EDC Hotels & Resorts, UUM pagi tadi.

Menurutnya, program anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pusat Pengajian Perniagaan Islam UUM ini merupakan suatu mekanisme untuk menyampaikan maklumat dan dialog kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk mahasiswa.

Ulasnya, konsep halal menjadi salah satu fenomena yang berkembang di seluruh dunia dan Malaysia dijadikan landasan ukuran kepada negara-negara umat Islam di seluruh dunia sehingga ada yang melihat bagaimana pelaksanaan makkamah atau undang-undang di Malaysia.

"Malaysia menjadi perhatian dan merupakan sebuah negara yang menjadi ikutan, contoh dan benchmark dalam pelaksanaan mahkamah syariah," ujarnya.

Tambahnya, program ini juga untuk mendapatkan pandangan dan respon daripada masyarakat tentang pelaksanaan dasar baharu kerajaan khususnya Indeks Syariah Malaysia.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 ☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
 📠 04-928 3053
 ✉ ukkuum@uum.edu.my
 📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.